

21/04/2001

Undang-undang KDN mungkin dipinda: TPM

Rasid Rahaman; Kamarulzaman Pid  
SEBERANG PERAK, Jumaat - Kerajaan tidak menolak kemungkinan meminda beberapa undang-undang di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk disesuaikan dengan keadaan semasa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagaimanapun berkata, pindaan itu tidak semestinya berdasarkan cadangan dan laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam).

"KDN sendiri sedang mengkaji beberapa hal berkaitan dengan undang-undang kita yang sudah lama misalnya kalau ada denda yang ikut nilai mata wang zaman dulu, itupun kita kena kaji.

"Saya tidak dapat buat pengumuman secara spesifik tetapi sebagai kementerian yang mempunyai peranan penguatkuasa yang terbesar berbanding kementerian lain, kita perlu pastikan undang-undang yang kita pakai itu sentiasa relevan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pertemuan bersama rakyat di Felcra Seberang Perak di Changkat Lada di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid; Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Pengerusi Felcra Berhad, Senator Datuk Hamzah Zainuddin.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, beliau sudah menerima laporan Suhakam yang diserahkan kepada Parlimen semalam dan pegawai KDN sedang mengkajinya secara terperinci.

"Pegawai saya sedang kaji laporan itu. Kita akan beri perhatian kepada apa yang ada dalam laporan itu, cadangan penemuan ataupun apa-apa maklumat," katanya.

Menurutnya, cadangan Suhakam mengenai kebebasan berhimpun turut diberi perhatian sewajarnya dan kerajaan sedang menunggu laporan yang lebih terperinci daripada suruhanjaya itu.

"Sebenarnya pihak Suhakam sendiri sedang menghalusi cadangan yang dikemukakan itu.

"Sebaik saja Suhakam menghalusi cadangan, saya harap dapat sedikit laporan daripada mereka.

"Saya mengambil sikap yang positif dalam hal ini dan kalau ada golongan yang ingin memikirkan perkara ini dan untuk beri cadangan lanjut, kita bersikap terbuka dan akan beri perhatian," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan berhasrat menaikkan kadar denda beberapa undang-undang yang dianggap tidak sesuai, beliau berkata, perkara itu tidak dapat diputuskan kerana masih dalam kajian.

"Saya tidak mahu cakap lagi sama ada denda akan ditinggikan tapi ada juga (denda) yang agak rendah terutama undang-undang yang menetapkan bayaran," katanya.

Menurutnya, perkara ini pernah dibincangkan dalam mesyuarat ketua-ketua polis dan pengarah KDN, baru-baru ini.

Beliau berkata, beberapa akta lain terutama Akta Percetakan juga perlu dikaji semula berikutan perkembangan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Sekarang kita tengok perkembangan baru ICT dan Internet juga sudah jadi bahan penyebaran berita.

"Dalam hal ini, Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sendiri pernah sentuh keperluan untuk menyesuaikan undang-undang berdasarkan pembangunan dalam bidang ICT.

"Kita harap pandangan lain dapat disampaikan kepada kita," katanya.  
Beliau berkata, kerajaan juga akan mengkaji cadangan Suhakam supaya perhimpunan dibenarkan dengan peraturan tertentu.

"Setakat ini, kita tidak membuat sebarang keputusan lagi, kita perlu tengok, atas apa yang ada dalam kandungan cadangan terbabit," katanya.

Laporan Tahunan 2000 Suhakam antara lain mencadangkan supaya perhimpunan orang ramai dibenarkan mengikut peraturan-peraturan tertentu manakala beberapa akta yang menafikan hak asasi rakyat perlu dikaji semula.

Antara akta yang disebut adalah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Hasutan, Akta Percetakan dan Penerbitan dan Akta Rahsia Rasmi (OSA).

(END)